BAB 2: ZAMAN AIR BATU

BAHAGIAN A *Soalan Objektif*

2.1 DUNIA DAN KITA

1 Apakah bidang ilmu yang mengkaji organisma yang pernah hidup di bumi, fosil dalam sedimen binatang, tumbuhan dan bentuk hidupan purbakala?

A Geologi C Astrologi
B Arkeologi D Paleontologi

2 Bumi kita telah mengalami perubahan berjuta-juta tahun dahulu. Perubahan pada ketika itu membrei **kesan** terhadap

I Aktiviti manusia
II Kedalaman lautan
III Rupa bentuk fizikal bumi
IV Perkembangan teknologi

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3 Senarai berikut merupakan binatang yang pernah hidup di bumi.

- *Sloth*
- *Woolly Mammoth*
- Harimau bertaring panjang

Binatang tersebut hidup pada zaman

A Neolitik C Paleolitik
B Logam D Air batu

4 Gambar berikut menunjukkan perubahan bentuk fizikal bumi.



Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan bentuk fizikal bumi pada ketika itu?

A Iklim C Hidupan liar
B Gempa bumi D Aktiviti manusia

5 Maklumat berikut menerangkan maklumat bentuk muka bumi.

X → Kawasan perairan sempit yang memisahkan dua kawasan daratan

Apakah X?

A Laut C Selat
B Teluk D Tanjung

2.2 ZAMAN AIR BATU

6 Antara pernyataan berikut, yang manakah berkaitan dengan **Zaman Air Batu**?

I Suhu bumi menurun
II Paras air laut meningkat
III Penipisan lapisan air batu
IV Keluasan air batu meningkat

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

7 Maklumat berikut menerangkan Zaman Air Batu.

- Berlaku antara 23 juta hingga 5 juta tahun dahulu
- Mamalia telah wujud di bumi
- Suhu dunia panas dan kering

Apakah zaman yang dimaksudkan?

A Zaman Miosen C Zaman Pleistosen
B Zaman Pliosen D Zaman Holosen

8 Jambatan darat Panama antara Amerika Utara dan Amerika Selatan terbentuk pada Zaman

A Zaman Miosen C Zaman Pleistosen
B Zaman Pliosen D Zaman Holosen

9 Apakah kemajuan yang dicapai oleh manusia pada Zaman Holosen?

I Membuat api
II Memburu binatang
III Menghasilkan makanan
IV Mencipta tulisan

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

2.3 GARIS MASA ZAMAN AIR BATU

10 Apakah peranan ahli paleontologi?

A Mengkaji pergerakan bumi
B Mengkaji perubahan iklim di bumi
C Mengkaji peralatan tinggalan manusia
D Mengkaji sejarah bumi

11 Gambar berikut menunjukkan haiwan yang wujud pada garis masa yang berbeza.

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan gambar tersebut?

A Perubahan iklim mempengaruhi evolusi hidupan
B Evolusi hidupan mempengaruhi perubahan iklim
C Perubahan bentuk muka bumi mempengaruhi kepupusan hidupan
D Kepupusan hidupan mempengaruhi perubahan bentuk muka bumi

2.4 CIRI-CIRI ZAMAN AIR BATU AKHIR

12 Suhu duni meningkat menyebabkan kecairan air batu.

Apakah kesan daripada keadaan tersebut?

I Paras air dunia meningkat
II Kawasan tanah tinggi terbentuk
III Tumbuh-tumbuhan semakin pupus
IV Permukaan air laut membeku

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

13 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan suhu bumi?

I Aktiviti pertanian
II Aktiviti pembakaran terbuka
III Perkembangan perindustrian
IV Penghijrahan manusia

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

2.5 PERUBAHAN ZAMAN AIR BATU AKHIR

14 Apakah kesan glasier terhadap bumi?

A Menyejukkan suhu bumi
B Meluaskan permukaan bumi
C Memusnahkan hidupan bumi
D Mengubah bentuk fizikal bumi

15 Senarai berikut merupakan contoh tasik yang wujud dan kekal sehingga kini.

- Great Lakes, Kanada
- Tasik Dayang Bunting, Malaysia

Apakah punca pembentukan tasik tersebut?

A Gempa bumi C Kecairan air batu
B Aktiviti manusia D Perubahan iklim

16 Haiwan yang hidup semasa Zaman Pleistosen telah pupus pada Zaman Air Batu Akhir.

Mengapakah berlaku keadaan demikian?

A Kekurangan makanan
B Peningkatan suhu bumi
C Peningkatan paras air laut
D Kemumculan haiwan berbadan besar

17 Zaman Air Batu Akhir juga dikenali sebagai Zaman

A Miosen C Pleistosen
B Pliosen D Holosen

2.6 KESAN PERUBAHAN AIR BATU DI ASIA TENGGARA

18 Apakah kesan perubahan Zaman Air Batu terhadap Asia Tenggara?

A Pembentukan Pentas Sunda
B Tenggelamnya Pentas Sunda
C Paras air laut menjadi rendah
D Suhu bumi menurun

LIVEWORKSHEETS

19 Pernyataan berikut menerangkan perubahan yang berlaku kesan daripada kecairan air batu.

- Sungai mengalirkan air ke dalam tasik dan laut
- Aliran sungai yang mengalir menenggelamkan kawasan tanah rendah di sepanjang tepi pantai

Apakah kesan daripada perkembangan tersebut?

I Pembentukan Selat Melaka

II Kemunculan Teluk Siam

III Kewujudan Pentas Sunda

IV Pembentukan permukaan air Laut Jawa

A I dan II C II dan III

B I dan IV D III dan IV

20 Peta berikut menunjukkan kawasan benua dan lautan pada hari ini.

Apakah nilai murni yang patut kita amalkan dengan keunikan dunia kita?

A Bertoleransi C Berjimat cermat

B Bersatu padu D Bersyukur

LIVEWORKSHEETS